

٣٨- بَابُ قِصَّةِ عُكْلٍ وَعُرَيْنَةَ

38- Bab: Kisah `Ukl Dan `Urainah.⁷¹⁰

٣٨٧١ - حَدَّثَنِي عَبْدُ الْأَعْلَى بْنُ حَمَّادٍ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرَيْعٍ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ عَنْ قَتَادَةَ أَنَّ أَنَسًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَدَّثَهُمْ أَنَّ نَاسًا مِنْ عُكْلٍ وَعُرَيْنَةَ قَدِمُوا الْمَدِينَةَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَكَلَّمُوا بِالْإِسْلَامِ فَقَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا أَهْلَ ضَرْعٍ وَلَمْ نَكُنْ أَهْلَ رَيْفٍ وَاسْتَوْحَمُوا الْمَدِينَةَ فَأَمَرَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِدَوْدٍ وَرَاعٍ وَأَمَرَهُمْ أَنْ يَخْرُجُوا فِيهِ فَيَشْرِبُوا مِنْ أَلْبَانِهَا وَأَبْوَالِهَا فَانْطَلَقُوا حَتَّى إِذَا كَانُوا نَاحِيَةَ الْحَرَّةِ كَفَرُوا بَعْدَ إِسْلَامِهِمْ وَقَتَلُوا رَاعِي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْتَأْفَوْا الدَّوْدَ فَبَلَغَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَبَعَ الطَّلَبَ فِي آثَارِهِمْ فَأَمَرَ بِهِمْ فَسَمَرُوا أَعْيُنَهُمْ وَقَطَعُوا أَيْدِيَهُمْ وَتَرَكُوا فِي نَاحِيَةِ الْحَرَّةِ حَتَّى مَاتُوا عَلَى خَالِهِمْ.

قَالَ قَتَادَةُ بَلَّغَنَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ ذَلِكَ كَانَ يَحُثُّ عَلَى الصَّدَقَةِ وَيَنْهَى عَنِ الْمُثْلَةِ وَقَالَ شُعْبَةُ وَأَبَانٌ وَحَمَّادٌ عَنْ قَتَادَةَ مِنْ عُرَيْنَةَ وَقَالَ يَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ وَأَيُّوبُ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ قَدِيمَ نَفَرٍ مِنْ عُكْلٍ

3871 - `Abdul A`la bin Hammād meriwayatkan kepadaku, katanya: Yazid bin Zurai` meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa`id meriwayatkan kepada kami daripada Qatādah bahawa Anas r.a. bercerita kepada mereka, (kata beliau) bahawa sekumpulan orang dari suku `Ukl dan `Urainah mengunjungi Madinah

⁷¹⁰ Pada tahun ke-6 Hijrah berlaku peristiwa puak `Ukl dan `Urainah. Mereka semuanya lapan orang. Empat orang dari puak `Urainah, tiga orang dari puak `Ukl dan seorang lagi dari puak yang lain. Setelah datang ke Madinah mereka memeluk agama Islam dan berada beberapa lama di sana. Oleh kerana mereka tidak biasa dengan cuaca di Madinah, mereka jatuh sakit. Setelah mengadu hal kepada Nabi s.a.w. Baginda menganjurkan agar mereka keluar dari kawasan Madinah dan pergi ke kawasan ternakan unta zakat dan unta Rasulullah s.a.w. sendiri, supaya mereka dapat minum susu unta dan air kencingnya sebagai ubat bagi penyakit yang dialami mereka. Setelah mengikut arahan Rasulullah itu mereka sembuh.

Setelah sihat niat mereka berubah. Mereka mula bertindak ganas dengan membunuh penggembala unta setelah diseksa dengan amat dahsyat dan kemudian melarikan unta. apabila Rasulullah s.a.w mendapat tahu tentang apa yang dilakukan oleh mereka, Baginda menghantar satu pasukan yang terdiri daripada 20 orang sahabat supaya mengejar mereka. Pasukan itu diketuai Kurz bin Jabir al-Fihri. Akhirnya semua mereka ditangkap. Dan Rasulullah s.a.w. memerintahkan supaya mereka dihukum seperti tersebut di dalam hadits di bawah ini nanti.

untuk bertemu Nabi s.a.w. Mereka menyatakan keislaman mereka. Kata mereka: “Wahai Nabi Allah, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang pandai memerah susu (berternak) dan bukan pandai bercocok tanam.” Ternyata mereka tidak suka tinggal di Madinah kerana cuacanya (hingga menyebabkan sakit).⁷¹¹ Akhirnya Rasulullah s.a.w. menunjuki mereka untuk menemui penggembala dan beberapa ekor untanya supaya dapat minum susu dan air kencing unta-unta tersebut. Sesampainya mereka di penghujung Harrah, mereka kembali kufur setelah memeluk agama Islam,⁷¹² membunuh penggembala Nabi s.a.w.⁷¹³ dan membawa lari unta-unta. Berita tentang perbuatan mereka itu sampai ke pengetahuan Nabi s.a.w., Baginda langsung mengutus beberapa orang untuk mengejar mereka melalui jejak perjalanan mereka. (Setelah berhasil ditangkap), Nabi s.a.w. memerintahkan agar dicelak mata-mata mereka dengan besi panas,

⁷¹¹ Ini adalah terjemahan bagi استوخموا المدينة. استوخم المكان bererti tidak selesa berada di sesuatu tempat atau mendapati sesuatu tempat tidak sesuai di diami terutama kerana cuacanya.

⁷¹² Mungkin sekali mereka sebenarnya adalah orang-orang munafiq. Mereka dari awal lagi berpura-pura memeluk agama Islam dan berbai'ah dengan Rasulullah s.a.w.

⁷¹³ Nama penggembala Rasulullah s.a.w. ini menurut riwayat at-Thabaraani yang agak kuat sanadnya ialah Yasār. Yasār adalah hamba Rasulullah s.a.w. Sesetengah 'ulama' pula berkata, penggembala Rasulullah s.a.w. itu adalah anak Abu Dzarr al-Ghifāri r.a. Berdasarkan riwayat al-Bukhari dan Muslim hanya seorang sahaja penggembala disebutkan. Berdasarkan riwayat Abu 'Awānah di dalam Mustakhrajnya dan at-Thahāwi di dalam Syarh Musykilil Aatsār pula tersebut dua orang penggembala sebenarnya, tetapi yang terbunuh hanya seorang sahaja. Yang seorang lagi sempat melarikan diri dalam keadaan menangis ketakutan dan luka-luka. Dialah yang menceritakan tentang kawannya yang telah dibunuh oleh mereka. Di bawah ini dikemukakan bahagian yang berkenaan daripada hadits Abu 'Awānah dan at-Thahāwi yang berpunca daripada riwayat Mu'āwiah bin Qurrah daripada Anas itu:

فَخَرَجُوا فَقَتَلُوا أَحَدَ الرَّاعِيَيْنِ، وَذَهَبُوا بِالْإِبِلِ، قَالَ: وَجَاءَ الْكَزْرُ وَقَدْ جَرِحَ، فَقَالَ: قَدْ قَتَلُوا صَاحِبِي وَذَهَبُوا بِالْإِبِلِ
Bermaksud: “Maka pergilah mereka (ke kawasan penternakan unta-unta), lalu mereka membunuh salah seorang daripada dua orang penggembala (unta), dan melarikan unta-unta. Kata perawi (Anas): “Yang seorang lagi (yang tidak terbunuh, kemudiannya) datang dalam keadaan luka-luka. Dia berkata: “Mereka telah membunuh kawanku dan telah melarikan unta-unta.”

Di dalam riwayat-riwayat Bukhari tiada khilaf tentang yang terbunuh adalah penggembala Rasulullah s.a.w.

dipotong tangan-tangan mereka dan dibiarkan mereka di kawasan berbatu hitam (Ḥarrah) sampai mati dalam keadaan seperti itu.”⁷¹⁴

⁷¹⁴ Hukuman yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. ini bersesuaian dengan ayat muḥārabah di dalam al-Qur'an di mana Allah berfirman:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَرُوا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Sesungguhnya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dihukum bunuh, atau dipalang (disalib), atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bersilang, atau dibuang negeri. Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (al-Mā'idah:33).

Hukuman ini juga sesuai dengan firman Allah berikut:

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ. وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Bermaksud: Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka (juga) hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Mā'idah:45).

Maksud firman Allah ini ialah:

{وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا} Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalamnya (Maksudnya ialah di dalam Kitab Taurat). {أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ} bahawa nyawa dibalas dengan nyawa (Maksudnya ialah seseorang dihukum bunuh kerana membunuh orang lain). {وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ} dan mata dibalas dengan mata (Maksudnya ialah mata seseorang akan dibutakan jika ia membutakan mata orang lain). {وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ} dan hidung dibalas dengan hidung (Maksudnya ialah hidung seseorang dipotong jika ia memotong hidung orang lain). {وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ} dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka (juga) ada qishāshnya (Maksudnya ialah anggota-anggota lain juga selain yang tersebut itu seperti tangan, kaki, zakar dan lain-lain yang boleh dihukum balas dengan seimbang juga hendaklah dibalas sebagaimana dilakukan terhadapnya), kecuali dalam kes-kes di mana pembalasan seimbang tidak (mungkin) dapat dilaksanakan. Maka dalam keadaan itu ganti rugi tetap dikenakan. Hukum yang tersebut di dalam kitab Taurat itu tetap terpakai dalam syari'at kita (umat Muhammad) juga. (Lihat Tuhfatul Ahwadzī j.1 m/s 247).

Qatadah (dengan sanad yang sama) berkata: Kami mendapat ma'lumat bahawa setelah peristiwa itu, Nabi s.a.w. selalu menganjurkan (orang ramai) supaya bersedekah dan melarang daripada mutslah." Syu'bah, Abān dan Hammād meriwayatkan daripada Qatādah: "Kumpulan dari puak 'Urainah".⁷¹⁵ Sedangkan Yahya bin Abi Katsir dan Ayyub meriwayatkan daripada Abi Qilābah daripada Anas: "datang sekumpulan orang dari suku 'Ukl."⁷¹⁶

Sebabnya Rasulullah telah menghukum supaya mata mereka dicelak dengan besi panas ialah kerana mereka telah berbuat begitu terhadap penggembala Nabi s.a.w. sebelum membunuhnya.

Inilah salah satu landasan hukum yang dipakai oleh segolongan 'ulama' berhubung dengan hukum balasan yang setimpal (القصاص بالمثل) dalam kes jenayah.

Ĥarrah ialah kawasan bumi yang berkerikil dan terdapat batu-batu hitam yang besar-besar. Di sebelah utara dan selatan Madinah memang terdapat agak luas kawasan bumi seperti itu.

Kata Hafiz Ibnu Hajar, "Sekumpulan 'ulama', termasuk antaranya Ibnu al-Jauzi, cenderung mengatakan bahawa apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap mereka itu adalah sebagai qishāsh. Ibnu al-Jauzi berpendapat hukum itu telah dimansuhkan. Kata Ibnu Syāhīn setelah mengemukakan hadits 'Imrān bin Ĥushain berhubung dengan larangan daripada melakukan mutslah, "Hadits ini memansuhkan segala bentuk mutslah." Ibnu al-Jauzi mengkritiknya dengan berkata, "Da'waan nasakh memerlukan (kepastian tentang) tarikh.

Kata Hafiz Ibnu Hajar, "Hadits yang diriwayatkan oleh Bukhari di dalam Kitab al-Jihad daripada Abi Hurairah berhubung dengan larangan menyiksa dengan api, datangnya sesudah kebenaran melakukannya. Peristiwa 'Uraniyyīn telah berlaku sebelum Abu Hurairah memeluk agama Islam lagi. Beliau sempat dengan zaman kebenaran dan larangan. Qatādah meriwayatkan daripada Ibnu Sīrīn bahawa peristiwa mereka telah berlaku sebelum turunnya ayat ĥudūd. Musa bin 'Uqbah di dalam Maghāzinya menulis, "Mereka menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. melarang selepas itu daripada mutslah berpandukan ayat yang tersebut di dalam Surah al-Mā'idah itu. Bukhari (juga) cenderung ke situ. Imam al-Ĥaramain menukulkan pandangan yang sama di dalam an-Nihāyah daripada asy-Syafi'e." Demikianlah ringkasan ulasan Hafiz Ibnu Hajar.

⁷¹⁵ Semua mereka ini menukulkan daripada Qatādah من عرينة sahaja tanpa menyebutkan nama qabilah 'Ukl. Riwayat ta'liq Syu'bah diwashalkan oleh Bukhari di dalam Kitab az-Zakat. Riwayat ta'liq Abān bin Zaid diwashalkan oleh Ibnu Abi Syaibah. Riwayat ta'liq Hammad pula diwashalkan oleh Abu Daud.

⁷¹⁶ Yahya bin Abi Katsir dan Ayyub pula meriwayatkan daripada Abi Qilābah daripada Anas dengan menyebutkan nama qabilah 'Ukl sahaja tanpa menyebutkan nama qabilah 'Urainah. Riwayat ta'liq Yahya bin Abi Katsir diwashalkan oleh Bukhari sendiri di dalam Kitab al-Muĥāribīn. Riwayat ta'liq Ayyub pula diwashalkan oleh Bukhari di dalam Kitab at-Thahārah.